



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PENGURUSAN BENCANA (B.2 EB.3 / B.2)  
PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEGAWAI PENGURUSAN BENCANA  
PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
B.2 EB.3 (\$2,270-\$4,240 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270-\$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Environmental Management / International Disaster Management & Humanitarian Response / Logistic / Management / Management Disaster / Mathematics, Statistics and Economics / Mathematical Science (Operational Research and Computing) / Science Social Statistics / Statistics and Operational Research / Public Policy and Administration* atau bidang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau kelulusan iktisas dalam bidang tersebut di atas dan / atau mempunyai pengalaman dalam bidang yang bersesuaian adalah kelebihan.

- b) **TANGGA GAJI B.2:**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Environmental Management / International Disaster Management & Humanitarian Response / Management Disaster / Mathematics, Operation Research, Statistics and Economics / Mathematical Science (Operational Research and Computing) / Operational Research / Science Social Statistics / Statistics and Operational Research* atau bidang berkaitan **dan** telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempunyai pengalaman dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.



**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**TUGAS-TUGAS AM**

1. Membantu pengurusan Jabatan dalam melaksanakan dasar Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan selaras dengan Perintah Pengurusan Bencana, 2006 Bahagian IV Bab 17;
2. Membuat kertas kerja dasar dan laporan serta penganalisaan seperti yang ditetapkan / diarahkan;
3. Membuat pengawasan dan penyeliaan ke atas pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya; dan
4. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**TUGAS-TUGAS KHAS (BAHAGIAN OPERASI DAN KORDINASI)**

1. Merancang dan memastikan peningkatan keupayaan operasi bencana dilaksanakan melalui bengkel dan latihan secara berkala;
2. Merancang dan memastikan peningkatan kapasiti pengurusan bencana dilaksanakan melalui pembelian dan penyelenggaraan aset, kelengkapan dan logistik operasi bencana;



3. Menjadi penyelarasan di antara pelbagai agensi berkepentingan dalam hal ehwal pengurusan bencana di peringkat daerah dan serantau; serta di antara agensi kerajaan, swasta dan bukan kerajaan;
4. Menyediakan minit mesyuarat, laporan tahunan dan juga siaran akhbar jabatan. Menyediakan laporan situasi bencana kebangsaan dan serantau untuk rujukan Majlis Bencana Kebangsaan;
5. Menjadi ahli kepada jawatankuasa kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi skop tindak balas, operasi dan kesiapsiagaan; dan
6. Membantu jabatan melaksanakan Dasar Strategi Pengurusan Bencana Kebangsaan sebagai urus setia.